

TARIKH	09 / 04 / 2014	SEKSYEN	NASIONAL
MUKA SURAT	17	RUANGAN	

HADIAH KEWARTAWANAN MALAYSIA 2013

RM300,000 menanti 284 pemenang

» 13 kategori dipertandingkan, pencalonan bertambah

Oleh Muhamad Hafizi Omar
bhnews@bh.com.my

► Petaling Jaya

Sebanyak 552 penyertaan membabitkan 13 kategori dikemukakan untuk merebut Hadiah Kewartawanan Malaysia 2013 (HKM 2013) yang menawarkan hadiah wang tunai keseluruhan RM300,000.

Penyertaan itu membabitkan 284 individu yang mewakili pel-

bagai agensi berita. Pada HKM 2012, sebanyak 491 penyertaan diterima daripada 264 individu.

HKM 2013 anjuran Institut Akhbar Malaysia (IAM) bersama PETRONAS akan diadakan serentak dengan Malam Wartawan Malaysia 2014 (MWM 2014) pada 18 April ini di Hotel One World di sini.

Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, dijadual menjadi tetamu kehormat pada majlis itu serta menyampaipkan hadiah.

Penyertaan menggalakkan

Ketua Pegawai Eksekutif IAM, Datuk Chamil Wariya, berkata berikutan penyertaan yang menggalakkan, penganjur bercadang menambah dua kategori baharu pada masa hadapan.



Chamil (berdiri tengah lima dari kanan) bergambar bersama wakil penaja pada majlis penyampaian sumbangan MWM 2014 di Petaling Jaya, semalam. (FOTO HALIM SALLEH/BH)

Katanya, kategori berkenaan ialah Wartawan Radio Cemerlang dan hadiah wartawan bahasa lain yang sebelum ini dilonggokkan dalam satu kategori sehingga menyebabkan kesukaran kepada panel juri membuat pemilihan.

"Jika tiga bahasa dimasukkan dalam satu kategori, pengadil terpaksa menterjemahkan semua menjadi satu bahasa yang menyebabkan kehilangan bunga bahasa pada karya berkenaan," katanya.

Beliau bercakap kepada pemberita pada Majlis Penyampaian Sumbangan MWM 2014 oleh 56 syarikat korporat dan kerajaan negeri kepada IAM berjumlah RM388,000 di sini, semalam.

Yang hadir sama, Pengarang Kumpulan Harian Metro/Metro Ahad, Datuk Mustapa Omar; Pengurus Besar BERNAMA, Datuk Yong Soo Heong; Pengurus Besar Kumpulan Buku Karangraf, Sri Diah Shaharuddin dan Pengurus Besar Komunikasi Luaran dan Strategik Kumpulan PETRONAS, Mohammad Suhaimy Kamaruddin.

Tempat pertama HKM 2013 bagi setiap kategori akan membawa pulang hadiah tunai RM15,000.

Kategori yang dipertandingkan ialah Kewartawanan Foto yang membabitkan 78 penyertaan, Kategori Esei Foto (38), Penulisan Rencana Cemerlang (34), Berita Video (24), Laporan Berita (21), Kewartawanan Perkhidma-

tan Awam (21), Dokumentari Video (15), Kewartawanan Penyiasatan (14).

Hadiah Wartawan Muda A Samad Ismail (14), Kewartawanan Antarabangsa (lapan), Kewartawanan Alam Sekitar-Petronas (lapan), Penulisan Komentari (tujuh) dan Anugerah Khas Juri (dua).

RM30,000 Anugerah Kajai

Pemenang hadiah utama HKM iaitu Anugerah Kajai akan membawa pulang wang tunai RM30,000 serta pingat emas seberat 100 gram.

Sejak Anugerah Kajai diperkenalkan pada 1982, seramai 23 wartawan menerima anugerah berkenaan.